

# BINCANG LANGKAH TERBAIK

## ● Laporan kematian badak sumbu Sumatera dibawa ke mesyuarat Kabinet minggu depan

Oleh Amir Anuar

UB 25.11.2019 |

KOTA KINABALU: Laporan kematian badak sumbu Sumatera betina terakhir Malaysia akan dibawa ke mesyuarat Kabinet pada minggu depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata ia bagi membincangkan langkah terbaik yang perlu diambil kerajaan negeri bagi memastikan kelangsungan hidup spesies haiwan lain yang diancam kepupusan khususnya di Sabah.

Beliau juga menyifatkan kematian satu-satunya badak sumbu di Malaysia itu sebagai kisah sedih.

Badak yang diberi nama Iman itu, dilaporkan mati kira-kira jam 5.35 petang kelmarin, akibat menderita penyakit kanser yang kritikal pada uterusnya semenjak

lima tahun lepas.

Shafie berkata Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Christina Liew sudah diminta memberikan laporan lengkap.

“Saya juga bersedih dengan kejadian yang menimpa satu-satunya badak sumbu kita ini, pada masa sama kita juga sudah berusaha menjaganya dengan baik.

“Kabinet Negeri akan menerima laporan lengkap mengenai perkara ini pada minggu hadapan,” katanya, selepas diajukan pertanyaan oleh pemberita di sini selepas menganugerahkan ijazah kepada graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sidang ketiga sempena majlis konvokesyen UMS Ke-21 di Dewan Canselor semalam.

Menurutnya, kematian

badak terbabit mengundang kesedihan namun Kerajaan Negeri sudah berusaha sebaik mungkin mencari kaedah melahirkan generasi badak terakhir itu.

Ia termasuklah berusaha menjalin kerjasama dengan negara jiran, Indonesia; namun usaha itu tidak dapat dijayakan kerana badak terbabit menghadapi kanser yang kritikal.

“Kita sudah lakukan yang terbaik malah perkara ini juga dibincangkan di peringkat Kabinet dan selaku kepimpinan kita harus melihat hala tuju perkara sebegini,” katanya.

Untuk rekod, kematian badak itu disahkan oleh Christina dalam satu kenyataan medianya dan mendedahkan bahawa penyakit haiwan terbabit sudah dikehaskan semenjak 2014.



SIDANG MEDIA: Shafie ketika sidang media berkenaan.